

Petanda kemenangan besar: PM

BH 25 JUL 1986

ALOR STAR, Khamis — Pengerusi Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyifatkan kejayaan BN memenangi tanpa bertanding enam kerusi Parlimen dan lapan kerusi negeri sebagai petanda bahawa BN akan mencapai kemenangan besar dalam pilihanraya umum bulan depan.

Katanya, walaupun jumlah kerusi yang dimenangi tanpa bertanding kali ini kurang daripada pilihanraya lalu, ia lebih bermakna kerana kebanyakannya di menangi kerana tiada calon lain bertanding.

Ini, katanya, menunjukkan rakyat masih menaruh kepercayaan kepada BN dan tidak bertanding menentang di kawasan-kawasan berkenaan.

Dalam pilihanraya umum tahun 1982, BN memenangi tanpa bertanding 12 kerusi Parlimen dan 16 kerusi Dewan Undangan Negeri selepas borang pencalonan parti lain ditolak kerana kesilapan teknikal.

Tersilap

Oleh itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, dalam pilihanraya kali ini, borang yang baru yang lebih mudah disediakan supaya tiada lagi calon yang ditolak kertas pencalonan mereka kerana kesilapan teknikal.

Oleh kerana borangnya mudah, mustahil masih ada calon-calon yang gagal bertanding kerana kesilapan teknikal ketika mengisi borang.

Belliau menegaskan demikian ketika bercakap kepada pemberita selepas memberikan taklimat akhir kepada pekerja-pekerja pilihanraya BN kawasan Parlimen Kubang Pasu di sini pe-

tang ini!

Oleh itu, katanya, tentu tidak ramai yang akan tersilap mengisi borang kali ini dan lantaran itu bilangan mereka yang ditolak kertas pencalonan juga berkurangan daripada pilihanraya lalu.

Enam kerusi Parlimen yang dimenangi itu ialah Santabung, Sarawak; Parit Sulong, Johor; Sri Gading, Johor; Kinabalu, Sabah; Keningau, Sabah dan Paloh, Sarawak.

Kerusi negeri pula ialah Linggi, Pasir Panjang dan Sementah, semuanya di Negeri Sembilan, Bukit Serampang, Parit Raja, Parit Yani (semuanya di Johor) dan Pandan serta Batang Kali di Selangor.

Mengenai kerjasama Pas dan DAP dalam pilihanraya kali ini, Datuk Seri Dr Mahathir, berkata ia bukanlah perkara baru walaupun DAP

dengan terang-terang menyatakan ia tidak suka Pas.

Mengenai parti-parti pembangkang keseluruhannya, beliau berkata mereka perlu menang sekurang-kurangnya 88 atau 89 kerusi untuk membolehkan mereka menubuhkan kerajaan.

Bagaimanapun, katanya, beliau belum lagi mendapat maklumat lengkap mengenai jumlah kerusi Parlimen dan negeri yang ditandingi oleh parti-parti pembangkang.

Mengenai lawatan beliau ke Kedah, Datuk Seri Dr Mahathir berkata sokongan untuk BN di Kedah masih kuat, malah bertambah kuat.

Katanya, pekerja-pekerja pilihanraya BN di negeri ini bersemangat bekerja untuk menjamin kemenangan BN, khususnya di negeri ini.